

Newspaper	Berita Harian
Date	8/1/2011

# Ahli Parlimen jumpa sendiri PM

## Pertemuan 10 minit seorang babit 135 wakil rakyat BN hari ini

Oleh Norfatimah Ahmad  
dan Nazura Ngah  
bhnews@bharian.com.my

**KUALA LUMPUR:** Buat

pertama kali, Datuk Seri Najib Razak akan bertindak bagaikan doktor Klinik IMalaysia' yang mendengar permasalahan di 135 kawasan Parlimen Barisan Nasional (BN) dalam majlis khas bersama Perdana Menteri hari ini.

Program yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu akan menyaksikan semua Ahli Parlimen BN berkumpul pada masa ditetapkan sebelum menunggu giliran untuk berbincang dalam pertemuan empat mata bersama Pengerusi BN itu.

Sebelum ini, Ahli Parlimen BN beri peluang bersama Perdana Menteri menerusi program permukiman yang diadakan dari semasa ke semasa tetapi kali ini kaedahnya diubah untuk membolehkan setiap Ahli Parlimen menyampaikan secara terus masalah kawasan masing-masing.

Walaupun masa ditetapkan kira-kira 10 minit seorang, ia tetap bermakna bagi setiap

Ahli Parlimen kerana dapat memaklumkan hal berkaitan pembangunan, ekonomi, infrastruktur dan masalah rakyat.

Difahamkan pertemuan yang bermula seawal jam 8 pagi dan berakhir jam 6 petang itu juga bakal menyentuh persiapan jentera BN pada peringkat akar umbi dalam menghadapi pilihan raya umum dan pilihan raya Sarawak.

Naib Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan BN (BN-BBC), Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata perbincangan akan memberi tumpuan terhadap isu dan permasalahan di kawasan bahagian dan Parlimen masing-masing, terutama isu pembangunan, politik dan sosioekonomi penduduk.

Ahli Parlimen Kota Belud itu berkata, pertemuan hari ini bukan sesuatu yang luar biasa, cuma kebiasaannya ia diadakan sebelum sesi persidangan Parlimen bermula dan sesi akan datang hanya akan berlangsung Mac ini.

"Perdana Menteri sentiasa terbuka dan meminta pandangan semua pihak, selalunya Perdana Menteri akan berta-

nya apa masalah di kawasan dan apa yang perlu dilakukan di kawasan serta mendengar secara terperinci pandangan Ahli Parlimen.

"Saya pasti perjumpaan ini akan digunakan untuk menilai prestasi Ahli Parlimen dan kekuatan BN di kawasan masing-masing," katanya.

Sementara itu, Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata giliran beliau bertemu Perdana Menteri ditetapkan antara jam 9.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Katanya, walaupun mempunyai pengalaman 20 tahun sebagai Ahli Parlimen, beliau masih tidak dapat menduga kehendak Perdana Menteri setiap kali pertemuan berlangsung.

"Kebiasaannya isu yang akan dibangkitkan ialah mengenai kawasan, politik dan masalah dihadapi. Kemungkinan isu pilihan raya Sarawak juga akan dibangkitkan," katanya.

Selain itu, Ahli Parlimen Santubong itu berkata, Perdana Menteri juga dijangka menghadiri majlis makan tengah hari bersama Ahli

Parlimen BN di PWTC.

Ahli Parlimen Kuala Krau, Datuk Ismail Mohamed Said, berkata, setiap Ahli Parlimen diberikan masa untuk hadir dan menunggu giliran sebelum bertemu Perdana Menteri di PWTC.

"Kami diminta berkumpul di Dewan Tun Hussein Onn sebelum ke pejabat Perdana Menteri di PWTC untuk menyatakan masalah kawasan supaya diberi perhatian dan pertimbangan beliau," katanya.

Ismail berkata, sebagai Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), beliau juga bersedia untuk memaklumkan perkembangan terkini jika berpeluang berbuat demikian.

Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Mohamad Aziz pula berharap pertemuan hari ini adalah pertemuan empat mata kerana kedua-dua pihak dapat bersikap terbuka dan lebih telus.

"Kami tidak dimaklumkan apakah agenda khusus yang akan dibincangkan dalam pertemuan itu tetapi kami yakin ia mengenai isu di kawasan masing-masing," katanya.



*Kebiasaannya  
isu yang akan  
dibangkitkan  
ialah mengenai  
kawasan, politik dan  
masalah dihadapi.  
Kemungkinan  
isu pilihan raya  
Sarawak juga akan  
dibangkitkan"*

**Wan Junaidi  
Tuanku Jaafar**  
Timbalan Yang Dipertua  
Dewan Rakyat